

(9)

UTM SPACE
210959
29 FEBRUARI 2012

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(9)

29 Februari 2012

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.4/2012**

**PENYERAHAN LAPORAN PROJEK SARJANA MUDA SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA**

Projek Sarjana Muda (PSM) merupakan kursus yang mesti diikuti oleh mahasiswa pada tahun akhir setiap program sebagai sebahagian syarat penganugerahan. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab semua mahasiswa untuk menyerahkan Laporan Projek Sarjana Muda kepada fakulti masing-masing selewat-lewatnya pada **HARI TERAKHIR** peperiksaan akhir pada semester berkenaan.

Sekiranya, mahasiswa didapati tidak dapat menyerahkan laporan tersebut pada tarikh yang ditetapkan, setelah diperakui oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti, markah **SIFAR (0)** akan diberikan bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat : Mengenai Peperiksaan / Keputusan Peperiksaan Semester I, Sesi 2011/2012 pada 14 Februari 2012.


Justeru, permohonan penganugerahan pada semester berkenaan tidak akan diproses. Hal ini selaras dengan peruntukan Peraturan Akademik Program Diploma/Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa, *UTMSPACE* - Bahagian X : Penganugerahan Diploma / Ijazah telah menggariskan bahawa:-

- 2.0 *Pelajar hanya layak dianugerahkan diploma/ijazah setelah syarat berikut dipenuhi:-*
- (i) *mendapat Kedudukan Baik (KB);*
 - (ii) *lulus dalam semua kursus yang ditetapkan;*
 - (iii) *memohon penganugerahan dan mendapat perakuan fakulti; dan*
 - (iv) *syarat-syarat lain yang ditetapkan.*

Sekian, terima kasih.

“INNOVATIVE • ENTREPRENEURIAL • GLOBAL”

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS
Pengarah
Pusat Pengajian Separuh Masa
UTMSPACE

- s.k - Dekan, *UTMSPACE*
- Ketua Jabatan Program Luar, Semua Fakulti
 - Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*